

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kesatuan sekerja Asean diseru fahami implikasi asing...

KUALA LUMPUR, Isnin.
— Kesatuan sekerja ASEAN hari ini digesa memahami implikasi hubungan perdagangan antarabangsa yang melibatkan mereka dan selalu berusaha mengelakkan kongkongan serta arahan pemimpin pekerja negara maju yang kepura-puraan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat gesaan tersebut sewaktu merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Buruh ASEAN Ketiga di sini.

Beliau menegaskan, "Kesatuan sekerja ASEAN mesti menyedari kepura-puraan pemimpin pekerja negara maju yang melaung-laungkan perpaduan pekerja antarabangsa, sedangkan merekalah golongan paling lantang mengagung-agungkan sikap perlindungan perdagangan bagi negara masing-masing.

"Kesatuan sekerja ASEAN juga mesti bersikap tegas tidak merelakan diri mereka di kongkong dan diarah oleh gabungan kesatuan-kesatuan sekerja negara maju."

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menegaskan negara maju menikmati sebahagian besar keuntungan eksport ASEAN kerana mereka menguasai syarikat perkapalan dunia.

Percubaan gabungan kesatuan-kesatuan sekerja antarabangsa baru-baru ini, supaya pekerja-pekerja kapal tempatan dibayar gaji setanding dengan pekerja barat, katanya, tidak sahaja menjejaskan keuntungan, malahan juga menyekat tenaga tempatan dari mendapat pekerjaan.

Katanya lagi, cabaran-cabaran ekonomi tahun-tahun 80an terlalu hebat. Oleh itu, kekukuhan perhubungan pekerja ASEAN sebenarnya, bergantung kepada kekayaan nilai dan etika kebudayaan ASEAN sendiri.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan ASEAN mempelajari kesilapan negara-negaramaju dan menggunakan kelemahan mereka dalam memulihkan ekonominya, untuk faedah ASEAN keseluruhannya.

N
N

46 / 87